



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2008

DASAR DAN PROSEDUR PELANTIKAN SECARA KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 2 Tahun 2008 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dengan pindaan kepada Pihak Berkuasa Menimbang mengikut kategori lantikan tertentu sepertimana Lampiran 'A'.

2. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh di muat turun melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>.

(DR. HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh : 01 Ramadhan 1429H
01 September 2008


[SUK.D.200(01) 600/9/Jld. 7/(14)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

- Salinan :
- 1) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
 - 2) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
 - 3) Semua Ketua Unit/Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**SENARAI KEDUDUKAN KUASA MENIMBANG PELANTIKAN SECARA KONTRAK
BAGI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI, PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI**

Kategori Calon	Kategori / Gred Jawatan	Kuasa Menimbang
Warganegara (bukan pesara)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	KSN Diganti Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan
	Kumpulan P & P Gred 52 / 54 atau setaraf	KPPA Diganti Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan
	Kumpulan P & P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah dan Kumpulan Sokongan	Pihak Berkuasa Melantik (PBM) agensi berkenaan Diganti SUK
Warganegara (pesara)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Y.A.B Perdana Menteri dengan perakuan KSN Diganti Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan
	Kumpulan P & P Gred 52 / 54 atau setaraf	KPPA Diganti Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan
	Kumpulan P & P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah dan Kumpulan Sokongan	PBM agensi berkenaan Diganti SUK



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2008

**DASAR DAN PROSEDUR PELANTIKAN SECARA KONTRAK
(CONTRACT OF SERVICE)**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan mengenai dasar dan prosedur mengenai kaedah pelantikan secara kontrak perkhidmatan (contract of service) supaya pelaksanaannya lebih teratur, cekap dan seragam.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan pelantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam pada masa ini telah dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2003 - Panduan Pelantikan Pegawai Kontrak (PP 2/2003). Walau bagaimanapun, PP 2/2003 telah disemak semula selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 untuk menambahbaik dasar dan prosedur sedia ada serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam. Semakan semula yang dibuat adalah melibatkan:

- (i) kuasa menimbang pelantikan secara kontrak bagi gred-gred tertentu yang terletak di bawah kuasa Ketua Setiausaha Negara (KSN) atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA);
- (ii) penetapan gaji permulaan pegawai kontrak yang kemudiannya dilantik secara kontrak ke gred jawatan yang lebih tinggi;
- (iii) penguatkuasaan Tapisan Keselamatan bagi semua pelantikan kontrak;
- (iv) perkhidmatan kontrak tidak terputus bagi pegawai yang mengambil cuti sakit melebihi kelayakan yang dibenarkan;
- (v) kemudahan cuti bersalin yang diberi kepada pegawai kontrak bukan warganegara;
- (vi) pemendekan notis penamatan kontrak; dan
- (vii) pembayaran ganjaran kepada pegawai kontrak yang menamatkan perkhidmatan.

DASAR BARU

Kuasa Menimbang Pelantikan

3. Kerajaan telah bersetuju supaya kuasa menimbang pelantikan secara kontrak bagi kategori/ gred jawatan tertentu ditetapkan seperti berikut:

Kategori Calon	Kategori/ Gred Jawatan	Kuasa Menimbang
Warganegara (Bukan Pesara)	Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) Gred 53/54 atau setaraf Perkhidmatan Gunasama/ Perkhidmatan Bukan Gunasama	KPPA
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Gunasama	Ketua Perkhidmatan
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Setiausaha Kementerian
Warganegara (Pesara)	Kumpulan P&P Gred 53/54 atau setaraf Perkhidmatan Gunasama/ Perkhidmatan Bukan Gunasama	KPPA
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Gunasama	Ketua Perkhidmatan
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Setiausaha Kementerian
	Kumpulan Sokongan Perkhidmatan Gunasama	Ketua Perkhidmatan
	Kumpulan Sokongan/ setaraf Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Setiausaha Kementerian

Penetapan Gaji Permulaan

4. Gaji permulaan pegawai kontrak yang dilantik ke jawatan kontrak lain yang lebih tinggi adalah berdasarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji dalam kontrak terakhirnya, terhad di Peringkat 1 (P1).

Penguatkuasaan Tapisan Keselamatan

5. Semua pegawai kontrak perlu menjalani dan lulus tapisan keselamatan.

Perkhidmatan Kontrak Tidak Terputus Akibat Cuti Sakit

6. Sekiranya pegawai telah habis menggunakan kemudahan cuti sakit yang dibenarkan (15 hari) tetapi masih memerlukan masa untuk pulih, pegawai boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan untuk tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan tidak melebihi 75 hari setahun dengan syarat pegawai mengemukakan sijil sakit yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar.

7. Kebenaran untuk tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan ini tidak memutuskan kontrak yang berkuat kuasa kepada pegawai. Walau bagaimanapun, pegawai tidak layak dibayar sebarang emolument bagi tempoh tersebut. Sekiranya pegawai masih tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan melebihi tempoh 75 hari setahun, kontrak pegawai hendaklah ditamatkan.

Cuti Bersalin Secara Tanpa Gaji Untuk Bukan Warganegara

8. Pegawai kontrak bukan warganegara boleh diberi Cuti Bersalin secara tanpa gaji tidak melebihi 60 hari, terhad kepada maksimum sebanyak lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan. Cuti Bersalin secara tanpa gaji tidak memutuskan tempoh kontrak yang berkuat kuasa kepada pegawai.

Pemendekan Notis Penamatan Perkhidmatan

9. Permohonan pemendekan notis penamatan perkhidmatan kontrak boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan jika pegawai ditawarkan pelantikan lain dalam sektor awam atau ditawarkan kursus pra perkhidmatan dalam sektor awam.

Pembayaran Ganjaran Kepada Pegawai Kontrak Yang Menamatkan Perkhidmatan

10. Pembayaran ganjaran boleh dipertimbangkan kepada pegawai kontrak yang menamatkan perkhidmatan kontraknya kerana mendapat tawaran pelantikan dalam sektor awam atau mengikuti kursus pra perkhidmatan dalam sektor awam tertakluk pegawai telah memberi perkhidmatan yang memuaskan.

PELAKSANAAN

11. Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan semua urusan pelantikan secara kontrak berpandukan dasar dan prosedur yang dilampirkan bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan ini.

12. Dasar dan prosedur pelantikan pegawai kontrak mengikut Pekeliling Perkhidmatan ini adalah terpakai bagi pelantikan kontrak perkhidmatan (contract of service) sahaja. Bagi pelantikan kontrak untuk perkhidmatan (contract for service), Ketua Jabatan hendaklah merujuk kepada Perbendaharaan Malaysia (yang pada masa ini diuruskan oleh Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan).

KEKECUALIAN

13. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan KPPA. Pekeliling Perkhidmatan ini juga tidak membatalkan penurunan kuasa pelantikan kontrak yang khusus dikeluarkan bagi skim-skim perkhidmatan tertentu melalui Pekeliling

Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ surat edaran berkaitan. Pekeliling Perkhidmatan ini juga tidak menghalang penurunan kuasa pelantikan kontrak bagi skim-skim perkhidmatan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

PEMANTAUAN

14. Ketua Jabatan hendaklah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa. JPA pada bila-bila masa akan membuat naziran ke mana-mana agensi bagi menentukan pelantikan yang dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

PEMAKAIAN

15. Semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan ini supaya segala keputusan Kerajaan berkaitan dengan pelantikan kontrak dapat dikuat kuasakan dengan seragam. Walau bagaimanapun, bagi Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan, kuasa menimbang pelantikan secara kontrak adalah seperti berikut:

Kategori Calon	Kategori/ Gred Jawatan	Kuasa Menimbang
Warganegara (bukan pesara)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	KSN
	Kumpulan P&P Gred 53/54 atau setaraf	KPPA
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah dan Kumpulan Sokongan	Pihak Berkuasa Melantik (PBM) agensi berkenaan
Warganegara (pesara)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Y.A.B. Perdana Menteri dengan perakuan KSN
	Kumpulan P&P Gred 53/54 atau setaraf	KPPA

Kategori Calon	Kategori/ Gred Jawatan	Kuasa Menimbang
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah dan Kumpulan Sokongan	PBM agensi berkenaan
Bukan Warganegara (kecuali pelantikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan P&P Gred 46 hingga 54 atau setaraf	KSN
	Kumpulan P&P Gred 45 atau setaraf dan ke bawah dan Kumpulan Sokongan	KPPA

16. Pekeliling Perkhidmatan ini tidak terpakai dalam penetapan gaji dan gred jawatan bagi pelantikan secara kontrak pengisian jawatan Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit atau Setiausaha Akhbar kepada Menteri dan Timbalan Menteri.

PEMBATALAN


17. Dengan berkuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, PP 2/2003 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2005 (kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai kontrak) adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

18. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Pegawai yang telah dilantik secara kontrak dan perkhidmatan kontraknya masih berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan, perkhidmatan pegawai akan terus tertakluk kepada perjanjian kontrak yang ditandatangani dan PP 2/2003. Walau bagaimanapun, mulai tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, pegawai tersebut layak dipertimbangkan pemberian kemudahan cuti sakit melebihi kelayakan dibenarkan, Cuti

Bersalin secara tanpa gaji dan pembayaran ganjaran jika menamatkan perkhidmatan kerana mendapat tawaran pelantikan dalam sektor awam atau mengikuti kursus pra perkhidmatan dalam sektor awam.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”




(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: / April 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



KERAJAAN MALAYSIA

**DASAR DAN PROSEDUR
PELANTIKAN SECARA KONTRAK
(CONTRACT OF SERVICE)**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

2008

KANDUNGAN

BAHAGIAN	TAJUK	MUKA SURAT
BAHAGIAN I	DEFINISI DAN DASAR PELANTIKAN	
	Definisi	1
	Dasar Umum	4
	Dasar Pelantikan Pesara	6
	Pelantikan Pesara Pilihan	8
BAHAGIAN II	SYARAT PELANTIKAN	
	Syarat Umum	9
	Pelantikan Di Bawah Peruntukan Objek Sebagai (OS) 11000	12
	Pelantikan Di Bawah Peruntukan OS29000	13
	Pelantikan Ke Gred Kenaikan Pangkat	13
	Tempoh Kontrak	14
	Syarat Pelantikan Pesara	14
	Syarat Pelantikan Bekas Pegawai	14
	Pelantikan Kontrak Kerajaan dengan Kerajaan	15
BAHAGIAN III	KUASA MENIMBANG	
	Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak	16

BAHAGIAN	TAJUK	MUKA SURAT
BAHAGIAN IV	PROSEDUR PELANTIKAN	
	Prosedur Umum	18
	Dokumen Pelantikan	18
	Prosedur Pelantikan Warganegara (Bukan Pesara)	
	- Pelantikan Ke Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi	20
	- Pelantikan Ke Jawatan Gred 53/54 Atau Setaraf Dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)	22
	- Pelantikan Ke Jawatan Gred 41 Hingga 52 Dalam Kumpulan P&P	24
	- Pelantikan Ke Jawatan Dalam Kumpulan Sokongan	28
	Prosedur Pelantikan Pesara	
	-Pelantikan Ke Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi	32
	- Pelantikan Ke Jawatan Gred 53/54 Dalam Kumpulan P&P	34
	- Pelantikan Ke Jawatan Gred 41 Hingga 52 Dalam Kumpulan P&P	36
	- Pelantikan Ke Jawatan Dalam Kumpulan Sokongan	40
	Prosedur Pelantikan Bukan Warganegara	
	- Pelantikan Ke Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi	44

BAHAGIAN	TAJUK	MUKA SURAT
	- Pelantikan Ke Jawatan Gred 46 Hingga 54 Dalam Kumpulan P&P	46
	- Pelantikan Ke Jawatan Gred 41 Hingga 45 Dalam Kumpulan P&P	48
	- Pelantikan Ke Jawatan Dalam Kumpulan Sokongan	50
	Tempoh Sah Laku Tawaran Pelantikan Kontrak	52
	Tarikh Kuat Kuasa Pelantikan	52
	Pelantikan Semula	52
BAHAGIAN V	PENETAPAN GAJI PERMULAAN DAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	
	Prinsip Umum	54
	Penetapan Gaji Bukan Pesara (Warganegara dan Bukan Warganegara)	54
	Penetapan Gaji Pesara	56
	Penetapan Gaji Pesara Pilihan	57
	Gaji Pukal	57
	Pergerakan Gaji Tahunan	57
BAHAGIAN VI	ELAUN DAN KEMUDAHAN	
	Prinsip	59
	Elaun	59
	Kemudahan	59

BAHAGIAN	TAJUK	MUKA SURAT
	Senarai Elaun dan Kemudahan	65
BAHAGIAN VII	PENAMATAN KONTRAK	
	Penamatan Kontrak	66
	Pindaan Syarat Kontrak	66
BAHAGIAN VIII	GANJARAN DAN CARUMAN KWSP	
	Ganjaran	67
	Caruman KWSP	68
BAHAGIAN IX	PELBAGAI	
	Tanggungjawab Ketua Jabatan	70
	Tanggungjawab Pegawai	72
	Menghadiri Kursus	74
	Jawatankuasa Pelantikan Kontrak	74
	Penghantaran Maklumat Kepada Agensi Pusat	74

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
Lampiran A	Format Surat Akuan Sumpah	76
Lampiran B	Format Surat Aku Janji	77
Lampiran C	Format Akta Rahsia Rasmi 1972	78
Lampiran D	Borang Perakuan Pelantikan Pegawai Kontrak	79
Lampiran E	Format Kertas Pertimbangan	83
Lampiran F	Format Perakuan Pelantikan	84
Lampiran G	Syarat-syarat Pelantikan Secara Kontrak	85
Lampiran H	Borang Perakuan Pelantikan Semula Pegawai Kontrak	86
Lampiran I	Contoh Borang Perjanjian Pegawai Kontrak	88
Lampiran J	Borang Pengesahan Tarikh Melapor Diri Bertugas	96
Lampiran K	Contoh <i>Form Of Agreement For Contract Officers</i>	97
Lampiran L	Contoh Senarai Elaun Dan Kemudahan	104
Lampiran M	Kuasa Menamatkan Perkhidmatan Pegawai Kontrak	106
Lampiran N	Statistik Pegawai Kontrak	108
Lampiran O	Borang Maklumat Pegawai Kontrak	109

BAHAGIAN I

DEFINISI DAN DASAR PELANTIKAN

Definisi

1. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini:

“agensi” atau **“agensi awam”** bermaksud kementerian, jabatan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) atau Pihak Berkuasa Tempatan;

“ahli keluarga” bermaksud pasangan pegawai (suami/ isteri) dan anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai iaitu anak kandung, anak tiri atau anak angkat yang diambil mengikut undang-undang di bawah umur 18 tahun atau sekiranya masih bersekolah di bawah umur 21 tahun. Bagi anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had umur ini tidak akan dipakai;

“calon” bermaksud seseorang, sama ada warganegara (termasuk pesara) atau bukan warganegara termasuk Penduduk Tetap (PR), yang dipertimbangkan untuk dilantik secara kontrak berkhidmat dengan mana-mana agensi awam;

“gaji” bermaksud gaji pokok yang ditawarkan/ diterima mengikut Jadual Gaji Matriks;

“gaji akhir” bermaksud:

- (i) bagi pesara, gaji hakiki bulanan yang akhir diterima sehari sebelum pegawai bersara dan bukan gaji yang telah diselaraskan untuk tujuan pensen berikutan perubahan gaji yang diputuskan oleh Kerajaan; dan

- (ii) bagi pegawai kontrak yang dilantik semula, gaji yang terakhir diterima dalam perkhidmatan kontrak terakhirnya, dengan syarat gaji tersebut telah dibayar dengan teratur;

“Ketua Jabatan” bermaksud pegawai yang mengetuai sesebuah agensi di peringkat ibu pejabat, iaitu termasuk Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah, Ketua Perkhidmatan atau mana-mana pegawai yang ditetapkan oleh KPPA sebagai Ketua Jabatan;

“Ketua Perkhidmatan” bermaksud pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan;

“Ketua Setiausaha Kementerian” bermaksud :

- i) bagi Kementerian, pegawai yang mengetuai Kementerian berkenaan; dan
- ii) bagi Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis untuk bertindak bagi pihaknya;

“mata gaji minimum” bermaksud mata gaji terendah di Peringkat 1 (P1) dalam Jadual Gaji Matriks atau mata gaji pertama dalam skel gaji sebaris;

“mata gaji permulaan” bermaksud mata gaji masuk seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan;

“pegawai” bermaksud pegawai lantikan kontrak yang sedang berkhidmat dalam tempoh kontraknya;

“pelantikan kali pertama” bermaksud:

- (i) pelantikan seseorang calon yang belum pernah berkhidmat secara kontrak dengan mana-mana agensi awam;
- (ii) bagi mereka yang pernah berkhidmat secara kontrak, perkhidmatan itu telah terputus disebabkan oleh peletakan jawatan atau penamatan perkhidmatan kontrak dan tempoh yang terputus itu melebihi enam (6) bulan;
- (iii) pegawai kontrak yang dilantik semula oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang berlainan; atau
- (iv) pegawai kontrak yang dilantik semula ke jawatan lain dalam skim perkhidmatan atau gred jawatan yang berlainan oleh PBM yang sama;

“pelantikan kontrak” bermaksud pelantikan seseorang calon atau pegawai untuk berkhidmat dengan agensi awam yang diuruskan mengikut Pekeliling Perkhidmatan ini bagi tempoh tertentu berasaskan kepada syarat perkhidmatan seperti yang dipersetujui dalam perjanjian kontrak yang ditandatangani oleh calon atau pegawai dengan PBM;

“pelantikan semula” bermaksud tawaran kontrak melalui satu perjanjian kontrak yang baru kepada seseorang pegawai di jawatan, gred dan perkhidmatan yang sama, yang diluluskan oleh PBM yang mana tarikh kuat kuasa kontrak yang baru itu dibuat dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh tamat kontrak sebelumnya;

“perkhidmatan awam” bermaksud Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan;

“pesara” bermaksud seseorang pegawai perkhidmatan awam (warganegara) yang telah bersara atau dibersarakan mengikut undang-undang pencen yang berkenaan yang layak dipertimbangkan untuk dilantik semula secara kontrak;

“pihak berkuasa melantik (PBM)” bermaksud pihak berkuasa melantik bagi sesebuah agensi yang diberi kuasa untuk melantik seseorang berkhidmat dengannya. Ini termasuklah Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan yang diwakilkan kuasa oleh PBM;

“perkhidmatan gunasama” bermaksud perkhidmatan yang Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) atau Ketua Akauntan Negara. Skim perkhidmatan yang Ketua Perkhidmatannya KPPA ialah Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Teknologi Maklumat, Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional, Pegawai Psikologi, Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Penolong Pegawai Psikologi, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Juruteknik Komputer, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pegawai Khidmat Pelanggan, Operator Komputer dan Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) atau perkhidmatan lain yang ditentukan oleh KPPA dari semasa ke semasa. Manakala, perkhidmatan gunasama di bawah Ketua Akauntan Negara adalah skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data;

“perkhidmatan bukan gunasama” bermaksud perkhidmatan selain daripada perkhidmatan gunasama;

Dasar Umum

2. Kerajaan membenarkan pelantikan secara kontrak dibuat dalam keadaan berikut:
 - (i) jawatan yang tidak boleh diisi melalui pelantikan secara tetap;

- (ii) bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dijalankan oleh pegawai kontrak;
- (iii) wujud keperluan untuk menawarkan syarat pelantikan yang berlainan, khususnya dari segi gaji, elaun dan kemudahan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa;
- (iv) untuk mengurangkan pergantungan kepada pelantikan secara tetap kerana pelantikan secara kontrak lebih mudah diurus dan menjimatkan dalam jangka masa panjang;
- (v) agensi memerlukan calon yang mempunyai kelayakan, pengalaman, kemahiran, kepakaran dan bakat bagi melaksanakan tugas jawatan yang ditetapkan;
- (vi) tempoh perkhidmatan yang diperlukan adalah terhad;
- vii) bagi membolehkan penilaian dibuat dalam tempoh kontrak sebelum pegawai dipertimbangkan untuk dilantik secara tetap; atau
- viii) sebagai langkah sementara mengisi jawatan tetap sebelum pelantikan tetap dibuat.

3. Keutamaan pelantikan secara kontrak hendaklah diberi kepada calon warganegara. Calon dari kalangan bukan warganegara hanya boleh dipertimbangkan jika calon warganegara yang layak dan sesuai tidak diperolehi atau bilangan mereka tidak mencukupi.

4. Pelantikan secara kontrak ke jawatan dan gred kenaikan pangkat dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) boleh dipertimbangkan sekiranya Ketua Jabatan mempunyai justifikasi yang kukuh bahawa

pelantikan itu tidak menjejaskan pelan penggantian dan peluang kenaikan pangkat pegawai sedang berkhidmat serta calon yang diperakukan mempunyai kelebihan dari segi kelayakan, pengalaman, kemahiran dan kesesuaian jika dibandingkan dengan pegawai tetap. Pelantikan bukan pesara bagi mengisi jawatan gred kenaikan pangkat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman yang relevan.

5. Pelantikan secara kontrak ke jawatan gred kenaikan pangkat dalam perjawatan tetap bagi Kumpulan Sokongan tidak dibenarkan.

6. Mana-mana ketetapan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini yang menghendaki sesuatu perakuan pelantikan itu dikemukakan kepada KPPA, KSN dan Perdana Menteri adalah terpakai bukan sahaja bagi pelantikan ke Perkhidmatan Awam Persekutuan, tetapi juga pelantikan ke Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan kecuali yang dinyatakan sebaliknya dalam mana-mana Pekeliling Perkhidmatan atau Surat Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Dasar Pelantikan Pesara

7. Pesara hanya boleh dilantik semula secara kontrak bergantung kepada keperluan sesebuah agensi terhadap perkhidmatan yang boleh disumbangkan dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar.

8. Pesara yang **boleh** dipertimbangkan untuk dilantik berkhidmat dengan agensi awam ialah pegawai yang bersara atau dibersarakan dalam keadaan berikut:

- (i) bersara di bawah subseksyen 10(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) kerana mencapai umur persaraan wajib;

- (ii) bersara di bawah subseksyen 10(5)(a) Akta 227 atau Akta 239 atas sebab kesihatan, dengan syarat telah disahkan sihat oleh Lembaga Perubatan yang dilantik oleh PBM;
- (iii) dibersarakan di bawah subseksyen 10(5)(b) atau 10(5)(c) Akta 227 atau Akta 239 tanpa melalui opsyen disebabkan oleh penghapusan jawatan / penyusunan semula agensi;
- (iv) bersara di bawah subseksyen 11(a)(i) atau 11(b)(i) Akta 227 atau 11(a) Akta 239 atas kehendak Kerajaan;
- (v) bersara di bawah seksyen 12A Akta 227 atau seksyen 13 Akta 239 kerana memasuki pertubuhan lain; atau
- (vi) bersara di bawah peraturan pencen Angkatan Tentera Malaysia.

9. Pegawai yang telah bersara atau dibersarakan dalam keadaan berikut **tidak boleh** dilantik semula:

- (i) pegawai yang dibersarakan mengikut subseksyen 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239 akibat daripada keputusan pegawai menolak pilihan berkhidmat dengan syarikat swasta atau agensi yang mengambil alih agensi awam tempat mereka berkhidmat dalam sesuatu urusan penswastaan;
- (ii) pegawai yang bersara di bawah seksyen 12A Akta 227 atau seksyen 13 Akta 239 kerana menyertai syarikat dalam penswastaan agensi awam;
- (iii) pegawai yang dibersarakan di bawah subseksyen 10(5)(d) Akta 227 atau Akta 239 atas kepentingan awam;

- (iv) pegawai yang dibersarakan di bawah subseksyen 10(5) (e) Akta 227 atau Akta 239 kerana memperolehi kewarganegaraan negara asing;
- (v) pegawai yang dibersarakan di bawah subseksyen 10(5) (f) Akta 227 atau Akta 239 kerana membuat pernyataan palsu;
- (vi) pegawai yang bersara secara pilihan di bawah seksyen 12, Akta 227 atau Akta 239; atau
- (vii) pegawai yang bersara di bawah subseksyen 11(a)(ii) atau 11(b)(ii) Akta 227 atau 11(b) Akta 239 kerana persaraan demi kepentingan perkhidmatan awam.

Pelantikan Pesara Pilihan

10. Pelantikan semula pegawai yang telah bersara secara pilihan mengikut peruntukan seksyen 12 Akta 227 atau Akta 239 **tidak boleh** dibuat kecuali atas kehendak Kerajaan kerana perkhidmatannya amat diperlukan. Dalam konteks ini “Kerajaan” bermaksud Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri atau KSN.

11. Cadangan pelantikan pesara pilihan hanya boleh dipertimbangkan oleh PBM melalui JPA setelah mendapat persetujuan Y.A.B. Perdana Menteri atau Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan KSN bagi Kumpulan P&P dan Kumpulan Sokongan.

12. Pesara pilihan boleh dipertimbangkan untuk dilantik atau dilantik semula secara kontrak mengikut prosedur pelantikan pesara sekiranya melebihi umur persaraan wajib yang ditetapkan oleh undang-undang pencen.

BAHAGIAN II

SYARAT PELANTIKAN

Syarat Umum

13. Calon yang hendak diambil berkhidmat secara kontrak, sama ada warganegara (termasuk pesara) atau bukan warganegara, hendaklah:

13.1 Syarat Dalam Skim Perkhidmatan

- (i) memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang ditawarkan kepada calon. Bagi skim perkhidmatan yang mensyaratkan calon berdaftar dengan badan profesional, urusan pendaftaran hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum calon dilantik secara kontrak;
- (ii) bagi calon bukan warganegara, syarat kewarganegaraan dan kelulusan Bahasa Malaysia dikecualikan; dan
- (iii) sebarang kelonggaran daripada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan perlu mendapat kelulusan KPPA. Permohonan kelonggaran syarat skim perkhidmatan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), JPA.

13.2 Had Umur

- (i) had umur minimum bagi calon warganegara ialah 18 tahun. Bagi calon bukan warganegara, had umur minimum ialah 27 tahun dan sebarang pengecualian perlu mendapat kelulusan bahagian yang

menguruskan hal ehwal imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN);

(ii) had umur maksimum adalah seperti berikut :

Kategori Calon/Pegawai	Had Umur Maksimum
Warganegara (bukan pesara)	56 tahun
Bukan warganegara	56 tahun
Pesara	60 tahun
Warganegara termasuk pesara dan bukan warganegara yang dilantik sebagai Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Pembantu Perubatan serta perkhidmatan lain jika diputuskan oleh KPPA	65 tahun

Had umur maksimum ini tertakluk kepada keperluan perkhidmatan, prestasi kerja yang baik dan disahkan sihat; dan

(iii) pelantikan calon yang telah atau yang akan mencapai had umur maksimum tersebut dalam tempoh kontrak perlu mendapat kelonggaran had umur daripada KPPA. Permohonan kelonggaran had umur hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA.

14. Calon yang telah dipilih dan diluluskan oleh PBM untuk dilantik hendaklah memenuhi syarat berikut sebelum melapor diri bertugas:

14.1 Pemeriksaan Kesihatan

- (i) bagi pelantikan kali pertama, calon perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan diakui sihat oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar. Pegawai yang dilantik semula yang berumur kurang 56 tahun tidak perlu menjalani pemeriksaan kesihatan kecuali terdapat keperluan untuk berbuat demikian; dan
- (ii) calon atau pegawai yang berumur lebih 56 tahun, sama ada untuk lantikan kali pertama atau lantikan semula, hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar.

14.2 Akuan Berkanun

Membuat akuan berkanun seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 (Akta 13). Contoh butir-butir akuan berkanun adalah seperti berikut:

- (i) tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
- (ii) tidak pernah dibuang kerja;
- (iii) bukannya penagih dadah;
- (iv) tidak memiliki kewarganegaraan asing (tidak terpakai bagi bukan warganegara); dan
- (v) bukan seorang bankrap.

Akuan berkanun hendaklah dibuat mengikut format Surat Akuan Sumpah seperti **Lampiran A**.

14.3 Tapisan Keselamatan dan Keutuhan

Pegawai yang dilantik kali pertama perlu melalui dan lulus tapisan keselamatan. Jika perlu, tapisan keutuhan Badan Pencegah Rasuah boleh disyaratkan bagi tujuan pelantikan.

14.4 Pas Penggajian

Calon bukan warganegara dikehendaki mendapatkan Pas Penggajian daripada Bahagian Pas Penggajian, Jabatan Imigresen Malaysia.

14.5 Surat Aku Janji

Menandatangani Surat Aku Janji di hadapan Ketua Jabatan bagi pegawai yang dilantik kali pertama. Pegawai yang dilantik semula tidak dikehendaki menandatangani Surat Aku Janji yang baru. Format Surat Aku Janji adalah seperti **Lampiran B**.

14.6 Akta Rahsia Rasmi 1972

Pegawai dikehendaki menandatangani dan mematuhi peruntukan dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. Format Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah seperti **Lampiran C**.

Pelantikan Di Bawah Peruntukan Objek Sebagai (OS) 11000

15. Pelantikan di bawah peruntukan OS11000 ialah pelantikan yang mengisi mana-mana jawatan kosong dalam senarai perjawatan sedia ada. Oleh itu, agensi boleh menguruskan pelantikan calon terus kepada PBM berkenaan berdasarkan prosedur yang ditetapkan. Jika pelantikan diluluskan oleh PBM, emolumen pegawai hendaklah dibayar di bawah peruntukan OS11000.

Pelantikan Di Bawah Peruntukan OS29000

16. Pelantikan di bawah peruntukan OS29000 ialah pelantikan yang tidak mengisi mana-mana jawatan kosong seperti dalam senarai perjawatan sedia ada. Walau bagaimanapun, pelantikan ini masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa. Cadangan pelantikan di bawah peruntukan OS29000 ini hendaklah disertakan justifikasi mengenai keperluan perkhidmatan calon yang dilantik menggunakan peruntukan berkenaan. Cadangan perlu dikemukakan kepada BPO, JPA yang kemudiannya akan memperakukan kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Malaysia untuk kelulusan. Setelah kelulusan Perbendaharaan Malaysia diperolehi, agensi hendaklah menguruskan pelantikan calon berdasarkan prosedur yang ditetapkan. Jika pelantikan diluluskan oleh PBM, emolumen pegawai hendaklah dibayar di bawah peruntukan OS29000.

Pelantikan Ke Gred Kenaikan Pangkat

17. Pelantikan ke gred kenaikan pangkat dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan P&P hanya boleh dipertimbangkan jika:

- (i) pelantikan yang dicadangkan itu tidak akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai tetap dalam skim perkhidmatan yang sama. Sekiranya peluang kenaikan pangkat tidak terjejas, pelantikan boleh dibuat bagi mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat di bawah peruntukan OS11000;
- (ii) calon mempunyai kelayakan, pengalaman dan kemahiran yang lebih baik jika dibandingkan dengan pegawai dalam perkhidmatan tetap; dan
- (iii) tawaran pelantikan tersebut dapat menarik calon berkualiti yang amat diperlukan.

Tempoh Kontrak

18. Tempoh sesuatu kontrak di bawah peruntukan OS11000 dan OS29000 hendaklah tidak melebihi tiga (3) tahun.

19. Sesuatu kontrak akan dikira sebagai kontrak baru sekiranya seorang pegawai tidak dilantik semula melebihi tempoh enam (6) bulan daripada kontrak sebelumnya tamat. Tempoh kontrak terdahulu tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian tempoh keseluruhan kontrak.

20. Tertakluk kepada peraturan dan undang-undang imigresen serta dasar yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, tempoh keseluruhan perkhidmatan kontrak seseorang pegawai bukan warganegara tidak boleh melebihi 10 tahun. Jika pegawai diperlukan berkhidmat melebihi tempoh tersebut, Ketua Jabatan perlu mendapatkan kelulusan bahagian yang menguruskan hal ehwal imigresen, KDN terlebih dahulu. Peraturan ini tidak terpakai kepada Penduduk Tetap.

Syarat Pelantikan Pesara

21. Selain daripada syarat yang ditetapkan, pesara yang hendak dipertimbangkan perlu mempunyai prestasi kerja berada di tahap baik semasa sebelum bersara dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar. Penentuan tahap prestasi mereka boleh dibuat berdasarkan kepada Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terakhir sebelum mereka bersara.

Syarat Pelantikan Bekas Pegawai

22. Seseorang pegawai tetap yang telah ditamatkan perkhidmatan, dibuang kerja atau meletak jawatan tidak boleh dilantik semula secara kontrak kecuali dengan kebenaran khas PBM.

Pelantikan Kontrak Kerajaan Dengan Kerajaan

23. Pelantikan calon bukan warganegara yang diambil melalui persetujuan antara Kerajaan dengan Kerajaan (government to government/ 'G to G') hendaklah diuruskan mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan negara asing yang terbabit seperti yang terkandung dalam perjanjian, memorandum persefahaman (MoU) atau dokumen rasmi yang lain.

BAHAGIAN III

KUASA MENIMBANG

24. Kuasa menimbang pelantikan pegawai kontrak adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak

Kategori Calon	Kategori/ Gred Jawatan Yang Diperakukan	Kuasa Menimbang
Warganegara (bukan pesara)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	KSN
	Kumpulan P&P Gred 53/54 atau setaraf Perkhidmatan Gunasama/ Perkhidmatan Bukan Gunasama	KPPA
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Gunasama	Ketua Perkhidmatan
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Setiausaha Kementerian
	Kumpulan Sokongan Perkhidmatan Gunasama	Ketua Perkhidmatan
	Kumpulan Sokongan/ setaraf Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Jabatan
Warganegara (pesara)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Y.A.B. Perdana Menteri dengan perakuan KSN
	Kumpulan P&P Gred 53/54 atau setaraf Perkhidmatan Gunasama/ Perkhidmatan Bukan Gunasama	KPPA
	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Gunasama	Ketua Perkhidmatan

Kategori Calon	Kategori/ Gred Jawatan Yang Diperakukan	Kuasa Menimbang
Warganegara (pesara)	Kumpulan P&P Gred 52 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Setiausaha Kementerian
	Kumpulan Sokongan Perkhidmatan Gunasama	Ketua Perkhidmatan
	Kumpulan Sokongan atau setaraf Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Setiausaha Kementerian
Bukan Warganegara	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	KSN
	Kumpulan P&P Gred 46 hingga 54 atau setaraf Perkhidmatan Gunasama/ Perkhidmatan Bukan Gunasama	KSN
	Kumpulan P&P Gred 45 atau setaraf dan ke bawah Perkhidmatan Gunasama/ Perkhidmatan Bukan Gunasama	KPPA
	Kumpulan Sokongan Perkhidmatan Gunasama/ Perkhidmatan Bukan Gunasama	KPPA

BAHAGIAN IV

PROSEDUR PELANTIKAN

Prosedur Umum

25. Pengisian jawatan di bawah peruntukan OS11000 dan OS29000 memerlukan agensi mengemukakan justifikasi pengisian secara kontrak, skim perkhidmatan dan gred jawatan serta senarai tugas. Bagi pelantikan kontrak di bawah peruntukan OS11000, agensi boleh berurusan terus dengan PBM berkenaan. Walau bagaimanapun, pelantikan kontrak di bawah peruntukan OS29000 hendaklah mendapatkan pertimbangan BPO, JPA. Sekiranya dipersetujui, perakuan akan dikemukakan kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan.

26. Urusan pengambilan hendaklah dibuat melalui iklan, sekurang-kurangnya dalam satu akhbar harian Bahasa Malaysia atau apa-apa kaedah lain mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Dalam keadaan tertentu di mana Ketua Jabatan telah mengenal pasti calon berdasarkan kesesuaian dan keperluan perkhidmatan, perakuan hendaklah dibuat kepada PBM untuk dipertimbangkan. Urusan pengambilan hendaklah dibuat selepas persetujuan di **perenggan 25** diperolehi.

Dokumen Pelantikan

27. Setiap permohonan yang dikemukakan kepada JPA atau PBM bagi pelantikan kali pertama dan pelantikan semula hendaklah disokong dengan salinan dokumen yang disahkan oleh mana-mana pegawai agensi awam dalam Kumpulan P&P. Dokumen yang diperlukan adalah seperti **Jadual 2**.

Jadual 2: Dokumen Bagi Urusan Pelantikan Kontrak

Bil.	Dokumen	Pelantikan Kali Pertama			Pelantikan Semula		
		W/N*	Pesara	Bukan W/N	W/N	Pesara	Bukan W/N
1.	Borang Perakuan seperti Lampiran D	√	√	√	-	-	-
2.	Sijil / Diploma / Ijazah	√	√	√	-	-	-
3.	Maklumat Peribadi (<i>Curriculum Vitae</i>)	√	√	√	-	-	-
4.	Laporan pemeriksaan kesihatan	√	√	√	√**	√	√**
5.	Maklumat perkhidmatan yang kemaskini	-	√	-	√	√	√
6.	Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terkini	√***	√	√***	√	√	√
7.	Surat persetujuan pegawai	√	√	√	√	√	√
8.	Surat persetujuan pengisian daripada Perbendaharaan Malaysia	√	√	√	√	√	√
9.	Borang Perakuan seperti Lampiran H	-	-	-	√	√	√
10.	Surat kelulusan kelonggaran syarat lantikan (jika berkenaan)	√	√	√	-	-	-

* W/N = Warganegara.

** Jika pegawai berumur 56 tahun dan ke atas.


*** Jika pernah berkhidmat di agensi awam yang lain.

Prosedur Pelantikan Warganegara (Bukan Pesara)

28. Pelantikan calon warganegara bukan pesara melibatkan proses berikut:

28.1 Pelantikan Ke Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama



(i) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) mengenal pasti keperluan pengisian kontrak sama ada di bawah peruntukan OS11000 atau OS29000. Pengisian kontrak di bawah OS29000 hendaklah mendapat persetujuan BPO, JPA yang kemudiannya akan memperakukan kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Malaysia untuk kelulusan;

(ii) PSM Kementerian atau PSM agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri mengemukakan perakuan pelantikan kepada Bahagian Perkhidmatan (BK), JPA dengan menggunakan borang seperti **Lampiran D**;

(iii) BK, JPA memperakukan kepada KSN untuk pertimbangan. Jika dipersetujui, perakuan dikemukakan kepada PBM;


(iv) sekiranya pelantikan diluluskan, PBM membuat tawaran pelantikan berserta dengan Borang Perjanjian Pegawai Kontrak seperti **Lampiran I** kepada calon melalui

Ketua Perkhidmatan bagi perkhidmatan gunasama atau KSU Kementerian bagi perkhidmatan bukan gunasama;

- (v) KSU Kementerian/ Ketua Perkhidmatan akan mengeluarkan arahan melaporkan diri bertugas kepada calon;
- (vi) calon melapor diri dan menyempurnakan dokumen pelantikan; dan
- (vii) PSM Kementerian mengemukakan salinan Borang Pengesahan Tarikh Melapor Diri Bertugas seperti **Lampiran J** kepada BK, JPA.

28.2 Pelantikan Ke Jawatan Gred 53/ 54 Atau Setaraf Dalam Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (P&P)

Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama



(i) PSM mengenal pasti keperluan pengisian kontrak sama ada di bawah peruntukan OS11000 atau OS29000. Pengisian kontrak di bawah peruntukan OS29000 hendaklah mendapat persetujuan BPO, JPA yang kemudiannya akan memperakukan kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Malaysia untuk kelulusan;

(ii) PSM Kementerian/ PSM agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri mengemukakan perakuan pelantikan kepada BK, JPA dengan menggunakan borang seperti **Lampiran D**;


(iii) BK, JPA memperakukan kepada **KPPA** untuk pertimbangan. Jika dipersetujui, perakuan dikemukakan kepada PBM;

(iv) sekiranya pelantikan diluluskan, PBM membuat tawaran pelantikan berserta dengan Borang Perjanjian Pegawai Kontrak seperti **Lampiran I** kepada calon melalui Ketua Perkhidmatan bagi perkhidmatan gunasama atau KSU Kementerian bagi perkhidmatan bukan gunasama;

- (v) KSU Kementerian/ Ketua Perkhidmatan mengeluarkan arahan melaporkan diri bertugas kepada calon;
- (vi) calon melapor diri dan menyempurnakan dokumen pelantikan; dan
- (vii) PSM Kementerian mengemukakan salinan Borang Pengesahan Tarikh Melapor Diri Bertugas seperti **Lampiran J** kepada BK, JPA.

28.3 Pelantikan Ke Jawatan Gred 41 Hingga 52 Atau Setaraf Dalam Kumpulan P&P

Perkhidmatan Gunasama



- (i) PSM mengenal pasti keperluan pengisian kontrak sama ada di bawah peruntukan OS11000 atau OS29000. Pengisian kontrak di bawah OS29000 hendaklah mendapat persetujuan BPO, JPA yang kemudiannya akan memperakukan kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Malaysia untuk kelulusan;

- (ii) PSM Kementerian/ PSM agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri mengemukakan perakuan pelantikan kepada BK, JPA dengan menggunakan borang seperti **Lampiran D**;

- (iii) BK, JPA mengemukakan cadangan pelantikan kepada **Ketua Perkhidmatan (KPPA)** untuk pertimbangan;


- (iv) jika dipersetujui, BK, JPA mengemukakan perakuan pelantikan kepada PBM berkenaan;

- (v) sekiranya pelantikan diluluskan, PBM membuat tawaran pelantikan berserta dengan Borang Perjanjian Pegawai Kontrak

seperti **Lampiran I** kepada calon melalui Ketua Perkhidmatan;

- (vi) Ketua Perkhidmatan mengeluarkan arahan melaporkan diri bertugas kepada calon;
- (vii) calon melapor diri dan menyempurnakan dokumen pelantikan; dan
- (viii) PSM Kementerian mengemukakan salinan Borang Pengesahan Tarikh Melapor Diri Bertugas seperti **Lampiran J** kepada BK, JPA.

Perkhidmatan Bukan Gunasama



- (i) PSM mengenal pasti keperluan pengisian kontrak sama ada di bawah peruntukan OS11000 atau OS29000. Pengisian kontrak di bawah OS29000 hendaklah mendapat persetujuan BPO, JPA yang kemudiannya akan memperakukan kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Malaysia untuk kelulusan;

- (ii) jika agensi di bawah Kementerian, Ketua Perkhidmatan mengemukakan permohonan pelantikan kontrak kepada PSM Kementerian dengan menggunakan borang seperti **Lampiran D**;


- (iii) PSM Kementerian/PSM agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengemukakan cadangan pelantikan kepada **KSU Kementerian** untuk pertimbangan. Format pertimbangan kepada KSU Kementerian adalah seperti **Lampiran E** atau format lain yang difikirkan sesuai;

- (iv) jika dipersetujui, PSM mengemukakan perakuan pelantikan kepada PBM berkenaan dengan menggunakan format perakuan pelantikan seperti **Lampiran F** dan syarat pelantikan secara kontrak seperti **Lampiran G**;

- (v) sekiranya pelantikan diluluskan, PBM membuat tawaran pelantikan kepada pegawai melalui PSM berserta dengan Borang Perjanjian Pegawai Kontrak seperti **Lampiran I**;
- (vi) KSU Kementerian/ Ketua Perkhidmatan mengeluarkan arahan melaporkan diri bertugas kepada calon; dan
- (vi) calon melapor diri dan menyempurnakan dokumen pelantikan.

28.4 Pelantikan Ke Jawatan Dalam Kumpulan Sokongan

Perkhidmatan Gunasama



(i) PSM mengenal pasti keperluan pengisian kontrak sama ada di bawah peruntukan OS11000 atau OS29000. Pengisian kontrak di bawah OS29000 hendaklah mendapat persetujuan BPO, JPA yang kemudiannya akan memperakukan kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Malaysia untuk kelulusan;


